

# HASiL



## PELAN PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI

**"PENDIDIKAN CUKAI TERAS PEMBANGUNAN MAMPAN"**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
2026-2030

# ISI KANDUNGAN

|           |                                                                                   |    |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>2</b>  | <b>Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL</b>                                    |    |
| <b>3</b>  | <b>Kata Pengantar Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) HASiL</b> |    |
| <b>4</b>  | <b>Kata Alu-aluan Pengarah Jabatan Khidmat Korporat HASiL</b>                     |    |
| <b>5</b>  | <b>Tujuan Dokumen Pelan Pendidikan Pembayar Cukai HASiL 2026–2030</b>             |    |
| <b>6</b>  | <b>Pengenalan</b>                                                                 |    |
|           | TEKAD HASiL 2026–2030 .....                                                       | 7  |
|           | Tahap Literasi Percukaian Semasa di Malaysia .....                                | 8  |
|           | Analisis Program Pendidikan Pembayar Cukai Anjuran HASiL .....                    | 10 |
|           | Analisis Komposisi Anggaran Penduduk Malaysia .....                               | 11 |
| <b>13</b> | <b>Hala Tuju Pendidikan Pembayar Cukai HASiL 2026–2030</b>                        |    |
|           | Strategi Pendidikan Pembayar Cukai .....                                          | 14 |
|           | Objektif Strategik .....                                                          | 15 |
|           | Hasil Strategik .....                                                             | 15 |
|           | Pendekatan Strategi .....                                                         | 16 |
|           | <b>Strategi Utama 1:</b>                                                          |    |
|           | Menyebarkan Kesedaran dan Pengetahuan Cukai Kepada Pembayar Cukai .....           | 17 |
|           | <b>Strategi Utama 2:</b>                                                          |    |
|           | Menyediakan Sokongan Untuk Meningkatkan Pemahaman dan Pematuhan Cukai .....       | 19 |
|           | <b>Strategi Utama 3:</b>                                                          |    |
|           | Memperkasa Digitalisasi Penyampaian Perkhidmatan .....                            | 21 |
|           | Sasaran Keberhasilan .....                                                        | 23 |
| <b>25</b> | <b>Pelan Tindakan Aktiviti Pendidikan Pembayar Cukai HASiL 2026–2030</b>          |    |
|           | Garis Umur .....                                                                  | 26 |
|           | Aktiviti Pendidikan Pembayar Cukai 2026–2030 .....                                | 27 |
| <b>29</b> | <b>Penjajaran dan Pemetaan Pelan Pendidikan Pembayar Cukai 2026–2030</b>          | 29 |
| <b>30</b> | <b>Panel Editorial</b> .....                                                      | 30 |

# Perutusan

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HASiL



Bismillahirrahmannirrahim.

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T, kerana dengan limpah izin-Nya Pelan Pendidikan Pembayar Cukai (PPPC) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) 2026–2030 berjaya direalisasikan dan diterbitkan bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2025. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya buat Jawatankuasa Induk PPPC ini kerana telah berjaya merangka satu pelan yang komprehensif dalam memacu agenda pendidikan cukai negara ke arah yang lebih baik dalam persekitaran yang cukup mencabar pada hari ini.

Ibarat namanya, saya melihat PPPC HASiL 2026–2030 ini dalam dua aspek utama iaitu pemartabatan elemen pendidikan dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu dan peri pentingnya elemen percukaian dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Selaras dengan bidalan Melayu “bagai aur dengan tebing”, elemen pendidikan dan percukaian saling melengkapi serta telah menjadi tumpuan utama HASiL sejak sekian lama, di samping pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan.

Rakyat Malaysia amnya dan pembayar cukai khususnya, harus memandangi PPPC HASiL 2026–

2030 ini sebagai satu wadah penting buat agensi percukaian ini dalam mengatur gerak dan strategi pendidikan percukaian agar segala kaedah yang digunakan adalah seiring dengan persekitaran digital dan keperluan semasa. Tidak dinafikan bahawa persekitaran ekonomi pada hari ini adalah sangat dinamik dengan kepelbagaian peluang dan krisis ekonomi yang tidak dijangka. Namun, walau apa jua cabaran yang mendatang, HASiL tetap utuh dan teguh dalam memperkasa agenda kelestarian melalui kutipan cukai pendapatan yang diperkukuh dengan strategi pendidikan percukaian yang lebih berkesan.

Saya mendoakan agar segala perancangan yang termaktub dalam PPPC HASiL 2026–2030 ini akan dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang cemerlang dan diterima baik oleh semua pihak.

“Pendidikan Percukaian Teras Pembangunan Mampan”

Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

# *Kata Pengantar*

## **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI PERCUKAIAN) HASiL**



### *Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

Pemerkasaan agenda pendidikan percukaian untuk pembayar cukai bukanlah sekadar inisiatif untuk melahirkan masyarakat celik cukai semata-mata, tetapi ia turut merupakan strategi yang mendasari sistem percukaian negara secara inklusif.

Sememangnya bukan mudah untuk membina kesedaran, apatah lagi mewujudkan masyarakat yang celik cukai dalam persekitaran yang cukup mencabar pada hari ini. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) juga menyedari bahawa cabaran semasa menuntut pendekatan yang berbeza, lantaran landskap ekonomi yang dinamik, pendigitalan, evolusi sistem percukaian dan peningkatan jangkaan rakyat terhadap tadbir urus yang berintegriti.

Sehubungan dengan itu, saya amat berbangga apabila HASiL telah merangka dan melancarkan Pelan Pendidikan Pembayar Cukai (PPPC) HASiL 2026–2030 yang mengandungi strategi holistik dan inovatif agar ia kekal relevan untuk satu tempoh jangka masa yang panjang dalam memastikan literasi dan pematuhan cukai di negara ini meningkat.

Saya berharap pelan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang menyeluruh dan berimpak tinggi, seterusnya dapat memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap sistem percukaian negara serta memperkasa HASiL sebagai ejen pemungut cukai langsung negara yang berintegriti dan dihormati.

Tahniah diucapkan kepada semua pihak, terutamanya Jawatankuasa Induk PPPC HASiL 2026–2030 yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan pembangunan pelan ini.

Semoga usaha ini menjadi titik tolak kepada sistem percukaian yang lebih inklusif, progresif dan diyakini rakyat.

Sekian, terima kasih.

**Shaharrudy bin Othman**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Operasi Percukaian)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

# *Kata Alu-Aluan*

## **PENGARAH JABATAN KHIDMAT KORPORAT HASIL**



**“Penerbitan PPPC HASiL disediakan sebagai rujukan dan pernyataan hala tuju aktiviti pendidikan cukai”**

Bismillahirrahmannirrahim.

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana buat julung kalinya, Jabatan Khidmat Korporat (JKK) telah berjaya menerbitkan Pelan Pendidikan Pembayar Cukai (PPPC) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) 2026–2030.

PPPC HASiL 2026–2030 ini merupakan dokumen penting yang akan menjadi rujukan semua pihak di HASiL serta para pemegang taruh dalam melaksanakan pelan tindakan di bawah inisiatif pendidikan dan kesedaran cukai rakyat Malaysia.

Selain itu, pelan ini juga berperanan sebagai pernyataan hala tuju HASiL dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada para pembayar cukai.

Pelan tindakan yang digariskan dalam PPPC HASiL 2026–2030 ini adalah berpandukan Pelan Korporat HASiL (TEKAD 2026–2030) serta disokong oleh data

dalam HASiL, kajian dan dapatan daripada pelbagai pihak.

Saya berharap agar penerbitan PPPC HASiL 2026–2030 ini dapat dijadikan sebagai repositori ilmu yang memberi manfaat kepada semua pihak dalam merangka tindakan pendidikan yang lebih tepat dan efisien, demi kepentingan rakyat, HASiL dan negara.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada JKK serta semua pihak yang telah terlibat dalam pengumpulan maklumat dan penerbitan PPPC HASiL 2026–2030.

**Shahrul Niza bin Bishahrin**  
Pengarah Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

# TUJUAN DOKUMEN PELAN PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI HASiL 2026–2030

## Pengurusan HASiL

Merupakan pernyataan hala tuju HASiL dalam aktiviti pendidikan pembayar cukai yang diterjemahkan melalui Pelan Tindakan Strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh lima (5) tahun.

## Team HASiL

Menjadi rujukan kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Pendidikan Pembayar Cukai di peringkat HASiL Negeri dan Cawangan Khas bagi menyokong pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

## Pemantauan Strategi

Memantau pelaksanaan Strategi dan Pelan Tindakan Pendidikan Pembayar Cukai supaya mengikut landasan yang telah ditetapkan dan menyokong usaha penambahbaikan dan perancangan pada masa hadapan.

## Pematuhan Cukai

Menyokong kerangka Pelan Korporat HASiL dalam usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang memahami konsep dan implikasi cukai serta mematuhi undang-undang percukaian.

# Pengenalan

Pendidikan merupakan satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah organisasi dan negara. Menyorot kembali sejarah pembangunan Malaysia yang bermula dari sebuah negara kelas ketiga dengan kemudahan prasarana yang minimum, Malaysia kini berkembang menjadi antara negara yang pesat membangun. Untuk menggapai kecemerlangan pada hari ini, pelbagai strategi dan usaha telah direncana oleh kerajaan dalam memeta hala tuju Malaysia yang gemilang.

Biarpun pelbagai strategi dan dasar dirangka oleh pihak berkaitan untuk kemajuan negara, satu aspek yang perlu diakui oleh semua pihak adalah hakikat bahawa hasil cukai pendapatan merupakan kunci utama kepada pelaksanaan setiap dasar yang telah dan sedang dirangka.

## Sumber utama

Sumber utama kepada setiap dasar yang dirangka adalah bebanan kewangan yang perlu dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Maka dalam konteks Malaysia, kemampuan kewangan kerajaan sangat berkait rapat dengan hasil cukai pendapatan yang menyumbang lebih daripada separuh hasil pendapatan negara pada setiap tahun.



Tanggungjawab untuk mengutip hasil cukai pendapatan yang digalas HASiL bukanlah satu tugas yang mudah, dan HASiL berdepan pelbagai dugaan dan cabaran. Sungguhpun begitu, HASiL telah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan cemerlang berdasarkan kepada prestasi kutipan cukai yang meningkat saban tahun.

Bermula dengan rekod kutipan cukai tiga digit pertama yang dilakarkan pada tahun 2011, HASiL terus melakar kutipan yang cemerlang sehingga mencatat hasil kutipan cukai tertinggi negara pada tahun 2024 dengan angka kutipan berjumlah RM184.81 bilion. Sungguhpun begitu, HASiL percaya masih ada ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan nisbah kutipan cukai dan pematuhan cukai secara sukarela.

## Inisiatif A. E. S

Pendekatan elemen pendidikan pembayar cukai ini bertepatan dengan strategi percukaian terkini HASiL yang memperkasakan tiga aspek utama melibatkan elemen Kesedaran (A – Awareness), Pendidikan (E – Education) dan Perkhidmatan (S – Services) atau ringkasnya A.E.S. Pendekatan A.E.S ini merupakan satu inisiatif berkonsepkan serampang tiga mata bagi mewujudkan masyarakat yang celik dan cakna akan kepentingan cukai kepada negara. Pada masa yang sama, pendekatan ini merupakan salah satu strategi HASiL untuk meningkatkan kadar

pematuhan cukai melalui konteks pendidikan yang diperkasakan bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan pembayar cukai yang tidak patuh agar melaporkan pendapatan secara sukarela.


Bertunjangkan elemen pendidikan sebagai teras utama dan juga buat pertama kalinya dalam sejarah moden Malaysia, Pelan Pendidikan Pembayar Cukai (PPPC) HASiL 2026-2030 dirangka bagi melahirkan masyarakat dan generasi yang celik cukai dan patuh terhadap ketetapan cukai.

## TEKAD HASIL 2026-2030

TEKAD HASIL 2026-2030 adalah rujukan utama bagi Pelan Pendidikan Pembayar Cukai. Pelbagai inisiatif strategik dirangka bagi memastikan hala tuju pendidikan pembayar cukai yang lebih holistik, inklusif dan berimpak tinggi dapat direalisasikan. TEKAD HASIL juga memperkenalkan nilai bersama seperti:

### Telus, Efisien, Kasih, Adil dan Dedikasi

Berikut adalah merupakan komponen utama di dalam TEKAD HASIL 2026-2030 yang akan menjadi panduan utama dalam memastikan visi dan misi dapat dicapai dengan berkesan dan berterusan.



# Tahap Literasi Percukaian Semasa di Malaysia

Tahap literasi percukaian semasa di Malaysia diambil daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan Penyelidik UiTM pada tahun 2022 bertajuk *Evaluation on the Effectiveness of Taxpayer Education Programs: Study on The Impact Towards Tax Knowledge, Fairness Perceptions and Taxpayers' Compliance Behaviour in the Southern Region of Malaysia*. Kajian ini merangkumkan tiga (3) kajian yang berkaitan pendidikan cukai iaitu:-

- 1 Kajian Keberkesanan Saluran Pendidikan Cukai di Malaysia: Penilaian Berdasarkan Metrik Kesan Pemasaran.
- 2 Kajian Keberkesanan Program Pendidikan Cukai Terhadap Pengetahuan Pembayar Cukai Baharu, Persepsi dan Tahap Pematuhan.
- 3 Kajian Awal Keberkesanan Kos Program Pendidikan Cukai Anjuran HASiL Terhadap Pemungutan Cukai.

Hasil kajian menunjukkan bahawa program kesedaran dan pendidikan cukai yang dianjurkan oleh HASiL perlu ditambah baik bagi memperkukuhkan usaha mendidik orang awam mengenai manfaat cukai dan membantu masyarakat memahami tanggungjawab pembayar cukai, seperti yang termaktub dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kajian ini juga menekankan kepentingan penggunaan pelbagai saluran penyampaian yang perlu disesuaikan mengikut: **(1) kelompok sasaran peserta; dan (2) jenis maklumat cukai yang ingin disampaikan**. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan mesej cukai yang tersebut adalah jelas, mudah difahami, serta dapat menjangkau seluruh lapisan masyarakat.

Berikut adalah ringkasan dapatan kajian mengenai tahap literasi percukaian semasa di Malaysia:

## Pengetahuan Asas Percukaian



61% individu mengetahui jenis cukai yang dikenakan di Malaysia: cukai langsung dan cukai tidak langsung.



45% individu tidak mengetahui bahawa terdapat enam (6) jenis pendapatan yang layak dikenakan cukai.



31% rakyat Malaysia tidak sedar penyimpanan rekod percukaian selama tujuh (7) tahun.




Tanggungjawab pembayar cukai merangkumi: (1) Daftar Fail, (2) Hantar Borang, (3) Penyimpanan Rekod dan (4) Bayar Cukai. Hanya 55% rakyat Malaysia sedar akan tanggungjawab tersebut.



Elaun dan perkuisit termasuk dalam penerimaan yang dikenakan cukai. 75% individu sahaja mengetahui tentang perkara tersebut.

## Pengetahuan Tentang Peranan HASiL

Dapatan kajian mendapati jumlah responden yang dapat menjawab soalan berkaitan peranan HASiL adalah seperti yang berikut:



## Persepsi Terhadap Sistem Percukaian

Dapatan kajian mendapati jumlah responden yang dapat menjawab soalan berkaitan peranan HASiL adalah seperti yang berikut:

-  74% individu percaya sistem percukaian Malaysia adalah adil dan saksama, manakala 22% menyatakan sebaliknya.
-  Rakyat Malaysia **berpendapat tidak patuh cukai bukan satu kesalahan yang serius**. Tidak patuh cukai menduduki tempat ke-4 bagi skala *Severity of Offences* selepas kesalahan mengedar dadah, jenayah pemerdagangan manusia dan salah laku rasuah.
-  22% individu tidak mengambil berat ke atas hukuman kesalahan tidak patuh undang-undang percukaian.
-  27% rakyat Malaysia menyatakan manfaat cukai yang diterima adalah tidak setimpal dengan jumlah cukai yang disumbangkan.
-  65% individu menyatakan undang-undang cukai semasa memerlukan mereka **membayar cukai lebih daripada yang selayaknya** perlu bayar.
-  81% individu faham bahawa **jumlah cukai yang perlu dibayar akan bertambah seiring dengan pertambahan pendapatan** individu.

## Alasan Tidak Patuh Cukai

-  23% individu menyatakan menghadapi **kesukaran untuk memahami terma dan tanggungjawab** cukai.
-  2 daripada 100 individu percaya **tidak perlu bayar cukai, hanya wajib bayar zakat sahaja**.
-  11% rakyat Malaysia **tidak berpuas hati terhadap pengurusan kutipan cukai negara**.
-  1 daripada 5 rakyat Malaysia menyatakan alasan tidak bayar cukai adalah disebabkan **tiada paksaan atau tiada ketetapan untuk mewajibkan bayaran cukai**.

## Analisis Program Pendidikan Cukai Anjuran HASiL

### Tambahan Topik Taklimat Cukai

Merujuk dapatan kajian yang sama, responden menyatakan impak penyertaan Program Pendidikan Cukai anjuran HASiL telah membantu:

- meningkatkan pengetahuan cukai mereka; dan
- mendorong pembayar cukai menjalankan tanggungjawab cukai mereka.

Walau bagaimanapun, responden menyatakan program pendidikan anjuran HASiL perlu tambahan topik percukaian yang berikut:

1. Jenis-jenis pendapatan yang layak dikenakan cukai - 20%
2. Cara pengiraan cukai - 18%
3. Manfaat cukai kepada pembayar cukai - 18%
4. Jenis-jenis cukai di Malaysia - 17%
5. Cara bayaran cukai - 13%
6. Tarikh akhir bayaran cukai - 12%

### Analisis Keberkesanan Program Pendidikan HASiL

Kajian dalaman HASiL yang dijalankan oleh Jabatan Penyelidikan Strategik, 2021 adalah dirujuk, di mana responden kajian merupakan peserta Program Tunjuk Ajarku Sifu (TAKS) yang diadakan pada tahun 2018 dan 2019. Antara komen dan cadangan peserta program adalah seperti yang berikut:

1. Masa terlalu singkat/  
penyampaian taklimat  
terlalu laju - 30%

2. Slaid yang disediakan  
kepada peserta tidak  
jelas - 12%

3. Pengisian perlu diperbaiki  
dari segi slaid dan topik -  
12%

4. Perlukan peralatan  
komputer untuk latihan  
- 9%

5. Ruang tidak sesuai dan  
sempit antara meja dan  
kerusi - 9%

6. Penyampaian taklimat  
perlu perbanyakkan  
contoh - 9%

Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan dalam penganjuran program, antaranya:

#### Segmentasi Peserta

- Segmentasikan peserta mengikut kategori (sedia ada/berpotensi).
- Menentukan kandungan taklimat mengikut segmentasi.

#### Struktur Taklimat

- Menyusun taklimat secara berjadual dan berfokus.
- Jadual taklimat dipaparkan di laman sesawang rasmi.

#### Kandungan Borang Soal Selidik (BSS)

- Menambahbaik kandungan BSS untuk pengukuran pemahaman yang lebih tepat.

#### Platform

- Platform pendaftaran dan borang maklum balas yang lebih interaktif.
- Meningkatkan keyakinan peserta untuk memberi maklumat peribadi.

Antara cadangan-cadangan penambahbaikan lain:


- Mengenal pasti kehendak peserta sebelum pelaksanaan program;
- Menggunakan penilaian keberkesanan program yang bersesuaian untuk mengukur pemahaman peserta;
- Menganjurkan program pendidikan yang menyasarkan pembayar cukai dengan rekod pematuhan yang rendah; dan
- Menyediakan insentif percukaian kepada individu yang menggalakkan penganjuran program pendidikan cukai.

## Kajian Kepercayaan LHDNM

Dapatan kajian daripada LHDN *Trust Survey 2024* yang dibuat oleh pihak IPSOS Sdn. Bhd. membuktikan bahawa majoriti rakyat Malaysia sedar akan kewujudan HASiL (68%). Namun begitu, tahap **familiarity** dengan fungsi dan peranan HASiL berada pada tahap sederhana (52%), manakala tahap **favourability** atau pandangan positif adalah 54%. Ini menunjukkan bahawa walaupun orang ramai sedar tentang HASiL, pemahaman mendalam dan sikap positif terhadapnya masih boleh dipertingkatkan.

Sementara itu, skor **advocacy** atau kesediaan untuk menyarankan serta mempertahankan HASiL agak rendah (46%), menandakan rakyat kurang cenderung untuk bercakap baik mengenai HASiL secara aktif.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan wujud fenomena "*blind trust*", iaitu rakyat meletakkan kepercayaan kepada HASiL kerana kedudukannya sebagai institusi kerajaan utama, walaupun mereka tidak begitu mendalam fungsi dan peranan HASiL. Oleh itu, cabaran utama HASiL adalah meningkatkan tahap pemahaman (**familiarity**) dan sokongan aktif (**advocacy**) supaya kepercayaan masyarakat bukan sekadar bersifat pasif, tetapi juga disertai dengan penghayatan dan kefahaman yang lebih jelas.



## Analisis Komposisi Anggaran Penduduk Malaysia

Selaras dengan pengenalan peruntukan baharu di bawah Seksyen 66A ACP 1967, bermula 1 Januari 2022, individu warganegara dan pemastautin tetap Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas akan didaftarkan secara automatik sebagai pembayar cukai. Walau bagaimanapun, HASiL berpandangan walaupun nombor pengenalan cukai individu tersebut telah didaftarkan, sebahagian besar daripada mereka masih tiada pendapatan dan tidak dikenakan cukai.

Sehubungan dengan itu, pelan aktiviti pendidikan cukai ini mengelaskan:

- Individu berumur **19 tahun ke bawah** dikategorikan sebagai **Bakal Pembayar Cukai**.
- Manakala, kumpulan **Pembayar Cukai bermula dengan umur 20 tahun**:
  1. Individu 20–24 tahun: Kumpulan bakal pembayar cukai;
  2. Individu 25–59 tahun: Kumpulan tenaga kerja produktif; dan
  3. Individu 60 tahun dan ke atas: Kumpulan selepas tenaga kerja produktif.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah penduduk Malaysia bagi suku ke-3 tahun 2024 yang diperoleh daripada Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia 2024.

| Kumpulan Sasaran     | Julat Umur                                   | Jumlah Penduduk (orang)   |
|----------------------|----------------------------------------------|---------------------------|
| Bakal Pembayar Cukai | 5 – 6 tahun<br>7 – 12 tahun<br>13 – 19 tahun | 10,279.1 juta<br>@ 30.18% |
| Pembayar Cukai       | 20 – 24 tahun<br>25 – 59 tahun<br>> 60 tahun | 23,780.0 juta<br>@ 69.82% |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

Bagi tujuan tersebut, perancangan program pendidikan dan kesedaran cukai anjuran HASiL juga akan dilakukan mengikut analisis komposisi penduduk Malaysia:

- **69.82% kepada pembayar cukai sedia ada dan 30.18% kepada bakal pembayar cukai** yang bertujuan untuk memupuk kesedaran awal tentang tanggungjawab mereka sebelum memasuki alam pekerjaan.

Daripada dapatan analisis tersebut, pegawai boleh merancang kaedah pelaksanaan program pendidikan mengikut segmentasi kumpulan sasar. Bagi kumpulan bakal pembayar cukai, fokus penyampaian adalah meluas dengan penekanan fungsi dan manfaat cukai, sejarah percukaian (bagi menyemai nilai patriotik) serta memupuk asas pengurusan kewangan. Manakala bagi kumpulan pembayar cukai, fokus penyampaian adalah lebih tertumpu pada satu-satu topik percukaian.

| Kumpulan Sasaran     | Konsep Program                                                                                                                                          | Fokus Penyampaian Maklumat                                                             |                                                                                                                                                        | Contoh Program                                                                                                         |
|----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bakal Pembayar Cukai | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunikasi melalui media massa/sosial</li> <li>• Pembelajaran formal</li> <li>• Aktiviti luar kelas</li> </ul> | Maklumat berkaitan manfaat cukai dan ilmu asas pengurusan kewangan                     | 1. Manfaat cukai<br>2. Sejarah percukaian Malaysia<br>3. Informasi asas pengurusan kewangan                                                            | 1. Pertandingan/ permainan cukai<br>2. Aktiviti kokurikulum/ silibus pembelajaran                                      |
| Pembayar Cukai       |                                                                                                                                                         | Jenis maklumat adalah lebih berfokus serta mengikut kehendak dan tanggungjawab peserta | 1. Manfaat cukai<br>2. Tanggungjawab pembayar cukai<br>3. Jenis pendapatan dan jenis borang cukai berkaitan<br>4. Aplikasi MyTax<br>5. Pengenaan cukai | 1. Pertandingan/ permainan cukai<br>2. Taklimat percukaian<br>3. Seminar<br>4. Persidangan<br>5. Ceramah<br>6. Bengkel |

**HALA TUJU  
PENDIDIKAN  
PEMBAYAR  
CUKAI  
HASIL  
2026-2030**

# STRATEGI PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI

## VISI

**PENTADBIR CUKAI  
BERPRESTASI TINGGI**

## MISI

**MENINGKATKAN DAYA SAING PRESTASI PENTADBIRAN CUKAI  
SEJAJAR DENGAN ASPIRASI NEGARA**

### TERAS KEBERHASILAN UTAMA

Melonjakkan kecekapan pengoperasian ekosistem percukaian langsung negara berteraskan Akta Cukai Pendapatan 1967 dan akta-akta lain di bawah seliaan

### OBJEKTIF KEBERHASILAN

Pendidikan cukai dan digitalisasi penyampaian perkhidmatan

### HASIL STRATEGIK

- Meningkatkan literasi cukai
- Meningkatkan pematuhan cukai

### KUMPULAN SASAR

- Bakal pembayar cukai
- Pembayar cukai

## PENDEKATAN

Meningkatkan pemahaman konsep dan manfaat cukai

Meningkatkan jaringan kerjasama

Meningkatkan capaian, akses perkhidmatan dan komunikasi efektif

## STRATEGI UTAMA

### SU1:

Menyebarluaskan kesedaran dan pengetahuan cukai kepada pembayar cukai

### SU2:

Menyediakan sokongan untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan cukai

### SU3:

Memperkasakan digitalisasi penyampaian perkhidmatan

## PELAN TINDAKAN

### PT1:

Melaksanakan program kesedaran dan pendidikan cukai dengan konsep *edutainment* dan *taxcitement*

### PT2:

Menyampaikan maklumat cukai menerusi bakal pendidik

### PT3:

Mengkaji dan memperkenalkan silibus atau elemen percukaian di peringkat sekolah

### PT1:

Menjalankan program pendidikan cukai secara kolaboratif

### PT2:

Menjalankan program pendidikan cukai secara bersasar

### PT3:

Menyediakan bantuan dan intervensi pendidikan cukai

### PT1:

Menjadikan maklumat percukaian mudah difahami dan dapat diakses oleh semua

### PT2:

Meningkatkan inisiatif pendidikan melalui kempen mendekati masyarakat

## SASARAN KEBERHASILAN

Mencapai sekurang-kurangnya 90% keberkesanan program pendidikan dan kesedaran cukai

Mencapai sekurang-kurangnya 85% pembayar cukai aktif patuh dalam pengemukaan borang nyata

## OBJEKTIF STRATEGIK

Strategi Pendidikan Pembayar Cukai bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran cukai rakyat Malaysia tentang kepentingan dan keperluan membayar cukai sebagai tanggungjawab kepada negara.

## HASIL STRATEGIK

Mengetahui ke mana hasil cukai dibelanjakan akan mendorong rakyat Malaysia untuk terus komited membayar cukai, sekali gus meningkatkan kutipan hasil dan seterusnya membantu pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi.

Pendidikan cukai merupakan elemen penting dalam membentuk kesedaran dan pemahaman rakyat tentang kewajipan membayar cukai serta peranannya dalam pembangunan negara. Dalam konteks Malaysia, cukai merupakan sumber utama pendapatan kerajaan yang digunakan untuk membiayai pelbagai program dan projek pembangunan. Oleh yang demikian, bagi memastikan rakyat Malaysia memahami kepentingan sistem percukaian, kempen dan pelaksanaan program pendidikan cukai perlu dirancang dengan baik.

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti tersebut, HASIL telah membangunkan sebuah pelan dengan menyasarkan hasil strategik yang berikut:

### Meningkatkan Literasi Cukai

Pelan ini bertujuan untuk menyediakan akses pendidikan cukai kepada semua rakyat Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran akan disesuaikan secara khusus mengikut kumpulan sasaran tertentu termasuk taska, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi serta orang awam, dengan pendekatan yang lebih fokus dan spesifik. Inisiatif ini diharapkan dapat mempertingkatkan pemahaman masyarakat mengenai sistem percukaian dan kepentingannya.

### Meningkatkan Pematuhan Cukai

Dengan peningkatan pemahaman tentang percukaian melalui pendidikan, secara tidak langsung akan meningkatkan pematuhan ke atas tanggungjawab percukaian. Sebagai contoh:

- Individu yang berpotensi menjadi pembayar cukai akan cenderung untuk ambil tahu dan melaksanakan tanggungjawab dengan melaporkan pendapatan mereka; dan
- Selain itu, masyarakat juga akan lebih peka tentang perubahan undang-undang cukai untuk mengelakkan sebarang kesalahan berlaku dalam melaporkan pendapatan mereka.



## PENDEKATAN STRATEGI

### Meningkatkan pemahaman konsep dan manfaat cukai

Menyebarkan mesej kepentingan dan fungsi cukai dalam perbelanjaan pengurusan dan pembangunan negara.



### Meningkatkan jaringan kerjasama

Menggalakkan lebih banyak kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta agar pelaksanaan pelan tindakan di bawah Strategi Pendidikan Pembayar Cukai lebih menyeluruh dan mencakupi lebih ramai kumpulan rakyat Malaysia.



### Meningkatkan capaian, akses kepada perkhidmatan dan komunikasi efektif

Menggunakan mesej penyampaian maklumat yang mudah dan konsisten melalui pelbagai saluran, dengan memberi penekanan pada media digital bagi menjamin setiap rakyat Malaysia mempunyai akses untuk mendapatkan perkhidmatan cukai. Ia penting bagi memastikan maklumat percukaian yang diterima oleh orang awam adalah tepat dan benar. Selain itu, akses perkhidmatan juga akan memberi kesan kepada pematuhan cukai seseorang individu.



## STRATEGI UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF

Tiga (3) strategi utama yang relevan telah dikenal pasti dalam mendukung objektif meningkatkan kesedaran cukai rakyat Malaysia tentang kepentingan dan keperluan membayar cukai sebagai tanggungjawab kepada negara. Setiap daripada strategi utama tersebut didukung dengan pelan tindakan yang khusus bagi mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pendidikan cukai. Inisiatif pendidikan cukai ini perlu dinilai secara konsisten untuk memastikan dasar yang digubal adalah efektif dan menepati objektif.

Penilaian sedemikian adalah penting untuk mengenal pasti perkara yang memerlukan intervensi, menetapkan dan mengkaji semula sasaran bagi menambah baik dan memberi sokongan yang diperlukan dalam penggunaan sumber secara berkesan.

Sepanjang pelaksanaan pelan tindakan, inisiatif pendidikan ini akan dipantau dan dinilai secara konsisten dalam memastikan objektif meningkatkan literasi cukai yang ditetapkan tercapai.



## STRATEGI UTAMA 1

### Menyebarkan kesedaran dan pengetahuan cukai kepada pembayar cukai

#### Matlamat

- Mendidik pelajar tentang pengetahuan dan kemahiran asas kewangan.
- Mewujudkan masyarakat yang celik akan konsep dan manfaat cukai.
- Memupuk rasa tanggungjawab kewangan dalam kalangan pembayar cukai.

#### Hasil Yang Diingini

- Pembayar cukai akan memahami manfaat dan peranan cukai serta tanggungjawab setiap individu untuk menyumbang kepada negara.


Secara asasnya, mendalami ilmu pengurusan percukaian akan membantu seseorang individu tersebut untuk memahami kaedah pengurusan kewangan dengan lebih baik. Impaknya tidak terhad kepada pengurusan kewangan peribadi yang lebih sistematik, malah ia turut akan menyumbang kepada persepsi positif mengenai kepentingan cukai kepada pembangunan negara dan rakyat jelata.

Selain daripada itu, ilmu percukaian juga akan dapat memberikan pemahaman tentang bagaimana hasil cukai dibelanjakan oleh kerajaan untuk menyokong keperluan sosioekonomi masyarakat. Hal ini termasuklah pembiayaan perkhidmatan awam seperti sektor pendidikan, kesihatan dan infrastruktur awam.

Ini sekali gus membantu individu tersebut mendapat gambaran tentang bagaimana sistem ekonomi dan pentadbiran negara berfungsi. Seterusnya, apabila memasuki alam pekerjaan, pengetahuan yang diperolehi tentang percukaian dapat membantu mereka dalam menguruskan kewangan peribadi dengan berhemah. Mereka akan lebih memahami kepentingan pengurusan kewangan dan mempunyai rasa tanggungjawab menguruskan cukai mereka.

Kesimpulannya, elemen pendidikan cukai tidak hanya memberikan impak yang positif terhadap pengurusan kewangan peribadi seseorang individu semata-mata. Dalam konteks yang lebih luas, ilmu percukaian akan membantu dan melahirkan kelompok masyarakat yang celik cukai serta bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan mereka dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian ekonomi negara.





## PELAN TINDAKAN 1

**Melaksanakan program kesedaran dan pendidikan cukai dengan konsep *edutainment* dan *taxcitement***

- Memberi pendedahan awal tentang kesedaran cukai kepada bakal pembayar cukai dan pembayar cukai sedia ada dengan menggunakan kaedah/cara penyampaian yang menarik serta mudah difahami.
- Menarik minat pelajar untuk lebih memahami konsep serta dasar percukaian negara.
- Mendedahkan kumpulan sasaran peserta kepada senario percukaian serta pengetahuan praktikal sebenar dalam konteks percukaian negara dan antarabangsa.



## PELAN TINDAKAN 2

**Menyampaikan maklumat percukaian menerusi bakal pendidik**

- Menjadikan guru dan warga pendidik sebagai ejen penyebaran maklumat percukaian.
- Menyebarkan maklumat berkaitan peranan dan kepentingan cukai dalam pembangunan negara di sekolah dan institusi pendidikan melalui warga pendidik.
- Memberi pendedahan awal berhubung kesedaran cukai kepada bakal pembayar cukai dalam kalangan pendidik sebelum memasuki alam pekerjaan.

## PELAN TINDAKAN 3

**Mengkaji serta memperkenalkan silibus atau elemen percukaian di peringkat sekolah**



Objektif pengenalan pendidikan cukai di peringkat sekolah adalah untuk memberikan pendedahan awal dan mewujudkan rasa kebertanggungjawaban dalam fasa awal pendidikan.

Justeru itu, pendidikan cukai kepada pelajar hendaklah dipermudahkan bagi mengelakkan stigma negatif berhubung kesukaran untuk memahami konsep dan tanggungjawab cukai mereka.

Sehubungan dengan itu, HASIL mencadangkan:

- Menyemak semula pengisian topik percukaian dalam subjek Matematik di peringkat sekolah menengah;
- Memperluaskan topik percukaian dalam lain-lain subjek di peringkat sekolah menengah atas; dan
- Memasukkan topik atau elemen kesedaran dan manfaat cukai dalam subjek yang bersesuaian di peringkat sekolah rendah.

## STRATEGI UTAMA 2

### Menyediakan sokongan untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan cukai

#### Matlamat

- Menangani jurang kelemahan dalam pengurusan percukaian bagi segmen atau kumpulan tertentu dalam kalangan masyarakat.

#### Hasil Yang Diingini

- Mempersiapkan golongan sasaran untuk menguruskan kewangan mereka dengan betul dan mematuhi undang-undang percukaian.
- Memupuk perubahan tingkah laku yang menggalakkan tabiat kewangan yang sihat.

Strategi utama yang seterusnya dalam mencapai objektif untuk meningkatkan pematuhan cukai adalah dengan menyediakan sokongan dan bantuan kepada orang awam bagi memudahkan mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai.

Bantuan dan sokongan tersebut adalah mencakupi penyediaan sumber manusia, sistem dan khidmat yang membantu individu menguruskan tanggungjawab cukai mereka dengan lebih efisien.

Pelaksanaan strategi ini menumpukan penganjuran program yang diadakan secara bersasar. Contohnya, pelaksanaan Program Nasihat Sokongan Peniaga yang:



dikhususkan kepada individu yang menjalankan perniagaan sama ada secara milikan tunggal atau perkongsian.




pelaksanaan siri program adalah mengikut jenis perniagaan yang dijalankan.

Pengkhususan program dilaksanakan kerana setiap segmen masyarakat memerlukan maklumat percukaian yang berbeza mengikut keperluan masing-masing. Misalnya, informasi yang diperlukan bagi pembayar cukai individu yang menjalankan perniagaan dan individu yang tidak menjalankan perniagaan adalah berbeza. Individu yang menjalankan perniagaan perlu mengetahui rekod perniagaan yang perlu disimpan, jenis perbelanjaan yang dibenarkan untuk tolakan semasa pengiraan untung dan rugi, jenis borang nyata yang perlu dikemukakan, pelepasan cukai yang boleh dituntut dan lain-lain lagi.

Perbezaan informasi cukai ini boleh dilihat dari aspek: (1) sumber pendapatan, (2) maklumat peribadi yang berbeza, (3) jenis perniagaan atau aktiviti yang dijalankan; dan (4) undang-undang cukai semasa yang berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, di bawah Strategi Utama 2 ini, HASiL boleh memanfaatkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuklah dewan perniagaan, agensi keusahawanan dan banyak lagi.



## PELAN TINDAKAN 1

### Menjalankan program pendidikan cukai secara kolaboratif

Penglibatan pelbagai pihak menyumbang kepada kepelbagaian perspektif dalam pelaksanaan program pendidikan cukai. Kolaboratif membolehkan gabungan pengetahuan, pengalaman, dan kepakaran dari pelbagai bidang. Ini membolehkan HASIL melaksanakan program pendidikan dengan menggunakan pendekatan yang lebih holistik, bersesuaian serta berkesan dalam mencapai matlamat program. Selain itu, pelaksanaan program secara kolaboratif juga memberi HASIL lebih akses terhadap sumber, sama ada dari sudut dana kewangan, tenaga kerja dan infrastruktur. Ini sekali gus membantu memperluaskan kemampuan pelaksanaan program secara teratur dan efektif.

## PELAN TINDAKAN 2

### Menjalankan program pendidikan cukai secara bersasar

Pelaksanaan program mengikut kumpulan adalah untuk memastikan peserta mendapat maklumat percukaian yang bersesuaian dengan jenis pekerjaan dan profesion mereka. Ini seterusnya membantu peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan cukai yang diperolehi secara langsung dalam konteks pekerjaan yang dijalankan.

## PELAN TINDAKAN 3

### Menyediakan bantuan dan intervensi pendidikan cukai

Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh *Tax Administration Diagnostic Assessment Tool* (TADAT) April 2019 Edition, ciri-ciri bantuan dan perkhidmatan yang perlu disediakan oleh pentadbir cukai termasuklah:

- Menyediakan maklumat percukaian yang mudah difahami oleh pengguna melalui program pendidikan cukai;
- Menyesuaikan maklumat untuk memenuhi keperluan pembayar cukai mengikut segmen dan pengemaskinian secara berkala;
- Menawarkan perkhidmatan dengan kos yang efisien bagi memudahkan urusan pembayar cukai;
- Mengeluarkan panduan atau penjelasan undang-undang percukaian untuk transaksi tertentu;
- Komited kepada piawaian penyampaian perkhidmatan dan mendedahkan keputusan kepada umum; dan
- Memantau persepsi berkaitan kualiti perkhidmatan dan prestasi, serta mendapatkan maklum balas daripada pembayar cukai dan pengamal percukaian seperti ejen cukai.

Secara keseluruhannya, saranan ini bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pembayar cukai melalui kemudahan akses, kejelasan, kecekapan, dan respons terhadap maklum balas serta keperluan pembayar cukai.



### STRATEGI UTAMA 3

## Memperkasa digitalisasi penyampaian perkhidmatan

#### Matlamat

- Menyediakan maklumat, aplikasi dan sumber berkaitan pendidikan cukai yang relevan melalui pelbagai saluran dan kaedah perhubungan.

#### Hasil Yang Diingini

- Rakyat Malaysia mempunyai kesedaran cukai yang tinggi dan berupaya untuk memahami undang-undang cukai serta melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pembayar cukai dengan baik.


Untuk meningkatkan pematuhan cukai dalam kalangan orang awam, setiap individu perlu faham serta jelas dengan tanggungjawab mereka. Maklumat berkaitan jenis cukai, kadar cukai, cara pengiraan, dan garis panduan yang perlu diketahui hendaklah disampaikan kepada orang awam dalam memastikan peraturan cukai dipatuhi. Ini kerana, alasan yang seringkali diberikan oleh orang awam untuk tidak mematuhi undang-undang percukaian sedia ada adalah tidak tahu dan sukar untuk difahami. Sehubungan dengan itu, HASiL perlu lebih proaktif dalam menyampaikan maklumat dengan menggunakan kaedah yang mudah untuk difahami dalam memastikan pematuhan cukai dapat dicapai.

Pendekatan ini melibatkan **pelaksanaan kempen menyebarkan maklumat percukaian** yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu **kesedaran cukai, maklumat teknikal percukaian dan kaedah penggunaan aplikasi HASiL** kepada orang awam.

Sebaran maklumat percukaian ini boleh dibuat melalui program yang dilaksanakan: secara bersemuka, atau secara dalam talian. Antara program yang boleh dianjurkan adalah program jaringan kolaboratif, taklimat dan seminar percukaian, kaunter perkhidmatan dan sebaran maklumat di premis atau lokasi yang dikunjungi oleh pegawai HASiL. Manakala, sebaran informasi cukai secara digital pula boleh dibuat melalui hebahan infografik dan video cukai di dalam portal rasmi, media sosial, dan tayangan televisyen di premis agensi yang berkolaboratif dengan HASiL.

Penganjuran program pendidikan cukai sebegini menjadikan informasi cukai lebih mudah didapati, menarik minat masyarakat dan seterusnya menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang sistem percukaian semasa. Apabila rakyat memahami undang-undang tersebut, ia secara tidak langsung meningkatkan pematuhan masyarakat sekali gus memberi impak kepada hasil negara.





## PELAN TINDAKAN 1

**Menjadikan maklumat percukaian mudah difahami dan dapat diakses oleh semua**

Memahami dan mempunyai akses maklumat percukaian adalah hak setiap individu. Oleh yang demikian, program pendidikan cukai yang dirancang hendaklah mencakupi keseluruhan segmen masyarakat dan perlu memastikan setiap individu mempunyai akses kepada maklumat tersebut.

- Menyediakan bahan pendidikan yang berkesan, mudah difahami dan relevan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang pengurusan cukai yang baik.
- Menggunakan saluran atau medium penyampaian yang mudah diakses oleh masyarakat seperti televisyen, radio, laman web dan media sosial.
- Memanfaatkan media sosial dan teknologi dalam menyebarkan maklumat tentang program-program pendidikan cukai dan memberikan bantuan atau penjelasan kepada individu secara dalam talian.

## PELAN TINDAKAN 2

**Meningkatkan inisiatif pendidikan melalui kempen mendekati masyarakat**



Mengadaptasi konsep 'guerrilla marketing' dalam mempergiat inisiatif pendidikan kewangan dan pengurusan cukai kepada masyarakat Malaysia, HASIL terus merancang program yang berikut:

- Memaparkan mesej dan iklan percukaian di lokasi yang menjadi tumpuan orang awam. Pengiklanan difokuskan pada kepentingan dan dampak yang relevan kepada masyarakat;
- Meningkatkan jumlah penganjuran program, perkongsian ilmu dan sesi wawancara di saluran televisyen dan radio utama Malaysia. Program dan maklumat yang kerap dimainkan di media massa akan menarik masyarakat untuk mengetahui perkara tersebut dengan lebih lanjut; dan
- Mempergiatkan inisiatif pendidikan dan kesedaran cukai dalam mendidik masyarakat tentang pengurusan kewangan yang baik, undang-undang cukai semasa dan topik-topik lain yang berkaitan. Inisiatif ini boleh dilaksanakan melalui penganjuran bengkel, seminar, atau sesi dalam talian untuk mengajar kemahiran praktikal seperti perancangan bajet, penjimatan, pelaburan dan pengurusan hutang.

## SASARAN KEBERHASILAN

**Sasaran yang ingin dicapai dalam usaha meningkatkan literasi dan pematuhan cukai**



Kadar pematuhan pengemukaan borang dijadikan kaedah pengukuran bagi keberkesanan program pendidikan cukai kerana ia mencerminkan tahap kesedaran dan kefahaman pembayar cukai terhadap tanggungjawab percukaian mereka. Kadar pematuhan yang meningkat memberi petanda bahawa usaha pendidikan yang dilaksanakan berjaya memupuk literasi cukai, meningkatkan kesediaan untuk patuh secara sukarela serta membina budaya pematuhan yang lebih mampan dalam kalangan pembayar cukai. Sebaliknya, jika kadar pematuhan menurun, ia menunjukkan keperluan untuk menilai semula pendekatan pendidikan, saluran komunikasi dan bentuk intervensi yang lebih berkesan perlu dilaksanakan.

Keberkesanan pendidikan cukai diukur melalui dua indikator utama, iaitu perubahan tingkah

laku daripada tidak patuh kepada patuh serta peningkatan pengetahuan cukai daripada tidak tahu kepada tahu. Kedua-duanya saling melengkapi dalam menentukan sejauh mana objektif program pendidikan cukai tercapai.

Pengukuran ini disokong dengan kajian lepas yang menunjukkan pendidikan cukai berkesan mengubah tingkah laku dan meningkatkan pematuhan. Mascagni et al. (2025) mendapati program pendidikan meningkatkan pemfahaman dan pelaporan cukai. Remali et al. (2021) pula membuktikan kursus asas cukai memperkukuh pemahaman serta mendorong kepatuhan. Di Malaysia, kajian RSIS International (2020) juga mengesahkan hubungan positif antara pengetahuan cukai dan tingkah laku patuh.

1

### **Mencapai sekurang-kurangnya 90% Keberkesanan program pendidikan dan kesedaran cukai**

Merujuk kepada indeks keberkesanan Program Pendidikan dan Kesedaran Cukai anjuran HASiL melalui edaran e-Borang Soal Selidik (e-BSS).

Keberkesanan program ini dinilai melalui edaran e-Borang Soal Selidik kepada peserta selepas selesai pelaksanaan program. Soal selidik ini bertujuan untuk mengukur impak program terhadap pembayar cukai berdasarkan tiga aspek utama:

Tahap pengetahuan peserta mengenai kepentingan dan manfaat cukai;

Pemahaman peserta tentang konsep serta prosedur percukaian; dan

Kesedaran terhadap tanggungjawab individu dalam mematuhi undang-undang cukai negara.

Penilaian ini membantu menentukan sejauh mana program pendidikan dan kesedaran cukai berjaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman peserta berkaitan percukaian, sekali gus menyokong usaha memperkukuh tahap pematuhan cukai dalam kalangan rakyat.

Keberkesanan program pendidikan dan kesedaran percukaian anjuran HASiL boleh dinilai melalui pengukuran yang berikut:

Perubahan sikap pembayar cukai – daripada tidak patuh kepada patuh; dan

Tahap pengetahuan pembayar cukai – tidak tahu kepada tahu.

Penilaian bagi mengukur perubahan sikap pematuhan daripada tidak patuh kepada patuh tidak sesuai dilakukan secara bulanan kerana perubahan tersebut bersifat jangka panjang dan lebih mencerminkan keberkesanan keseluruhan program. Sehubungan itu, pengukuran peningkatan pengetahuan pembayar cukai dilihat lebih sesuai untuk mengukur keberkesanan program pendidikan yang dianjurkan.

Berdasarkan pencapaian semasa, sasaran keberkesanan program juga dicadangkan untuk dinaikkan daripada 85% kepada 90%. Penetapan sasaran 35% bagi pengisian e-BSS dianggap sebagai peratusan sampel yang boleh diterima untuk dijadikan sampel kajian. Penetapan ini disokong oleh dapatan kajian daripada Keberkesanan Taklimat Tunjuk Ajarku Sifu (Susan Sapidin & Mohd Fairuz Mat Ali, 2021) yang menunjukkan bahawa walaupun kadar maklum balas adalah rendah (32.7%) hasil kajian masih boleh dianggap sah dan tepat jika responden mempunyai latar belakang yang seragam.

2

### Mencapai sekurang-kurangnya 85% pembayar cukai aktif patuh dalam pengemukaan borang nyata

Berdasarkan analisis pengemukaan Borang Nyata (syarikat, individu dan majikan) berbanding fail cukai aktif dengan fail cukai tidak aktif, tahap pematuhan pengemukaan borang cukai bagi tiga kategori utama berkenaan menunjukkan pencapaian yang berbeza. Bagi individu, purata pematuhan adalah sekitar 76.34%, dengan kadar tertinggi pada tahun 2020 (78.64%) dan terendah pada 2021 (71.93%). Sementara itu, bagi syarikat, purata pematuhan ialah 77.16%, yang mana prestasi meningkat ketara pada 2023 (94.12%) selepas dua tahun sebelumnya berada antara 70% hingga 74%. Bagi kategori majikan, tahap pematuhan adalah paling konsisten dan tinggi dengan purata 94.70%, mencapai 98.38% pada tahun 2021.

Secara keseluruhan, purata pematuhan keseluruhan ketiga-tiga kategori sepanjang empat tahun ialah 82.73%, menunjukkan tahap pematuhan majikan lebih kukuh berbanding individu dan syarikat.

purata pematuhan keseluruhan ketiga-tiga kategori sepanjang empat tahun ialah

**82.73%**

individu - 76.34%  
syarikat - 77.16%  
majikan - 94.70%

Menjelang tahun 2030, sasaran lebih 85% pembayar cukai aktif patuh dalam pengemukaan Borang Nyata mereka. Sasaran ini juga mengambil kira jangkaan peningkatan tahap kesedaran dan literasi cukai dalam kalangan pembayar cukai hasil daripada pelaksanaan pelbagai program serta aktiviti pendidikan cukai. Dengan langkah yang berterusan dan strategik, HASIL yakin sasaran ini mampu dicapai melalui gabungan pendekatan pendidikan, pemudahcara digital, dan penguatkuasaan yang seimbang.



**PELAN  
TINDAKAN  
AKTIVITI  
PENDIDIKAN  
PEMBAYAR  
CUKAI  
HASIL  
2026-2030**

## GARIS UMUR

Segmentasi umur pelaksanaan kumpulan sasar program pendidikan dan kesedaran cukai PPPC HASIL 2026-2030 adalah seperti yang berikut:



| Bakal Pembayar Cukai       |                             |                         | Pembayar Cukai                      |                         |                        |
|----------------------------|-----------------------------|-------------------------|-------------------------------------|-------------------------|------------------------|
| 5-6 tahun<br>(Pra-Sekolah) | 7-12 tahun<br>(Sek. Rendah) | 13-19 tahun<br>(Remaja) | 20-24 tahun<br>(Pelajar IPT)        | 25-59 tahun<br>(Dewasa) | > 60 tahun             |
| Modul Manfaat Cukai        | Modul Manfaat Cukai         | Modul Manfaat Cukai     | Modul Percukaian                    | Modul Percukaian        | Modul Percukaian       |
| Pertandingan Cukai         | Pertandingan Cukai          | Pertandingan Cukai      | Pertandingan Cukai                  | Pertandingan Cukai      | Pertandingan Cukai     |
| Program Sahabat HASiL      | Program Sahabat HASiL       | Program Sahabat HASiL   |                                     |                         |                        |
|                            |                             |                         | Program HASiL Your Tax Buddy (HYTB) |                         |                        |
|                            | Topik Cukai Silibus KPM     | Topik Cukai Silibus KPM |                                     |                         |                        |
|                            |                             | Taklimat Cukai          | Taklimat Cukai                      | Taklimat Cukai          | Taklimat Cukai         |
|                            |                             | Taklimat Peniaga        | Taklimat Peniaga                    | Taklimat Peniaga        | Taklimat Peniaga       |
|                            |                             |                         | Taklimat Majikan                    | Taklimat Majikan        | Taklimat Majikan       |
|                            |                             |                         | Seminar Cukai                       | Seminar Cukai           | Seminar Cukai          |
| Bulan Pendidikan Cukai     | Bulan Pendidikan Cukai      | Bulan Pendidikan Cukai  | Bulan Pendidikan Cukai              | Bulan Pendidikan Cukai  | Bulan Pendidikan Cukai |
| Permainan Cukai            | Permainan Cukai             | Permainan Cukai         | Permainan Cukai                     | Permainan Cukai         | Permainan Cukai        |
|                            |                             |                         | Kolaboratif Agensi                  | Kolaboratif Agensi      | Kolaboratif Agensi     |
|                            |                             | Kalkulator Cukai        | Kalkulator Cukai                    | Kalkulator Cukai        | Kalkulator Cukai       |
|                            |                             |                         | Perkhidmatan HASiL                  | Perkhidmatan HASiL      | Perkhidmatan HASiL     |

| Bakal Pembayar Cukai       |                             |                         | Pembayar Cukai               |                         |                        |
|----------------------------|-----------------------------|-------------------------|------------------------------|-------------------------|------------------------|
| 5-6 tahun<br>(Pra-Sekolah) | 7-12 tahun<br>(Sek. Rendah) | 13-19 tahun<br>(Remaja) | 20-24 tahun<br>(Pelajar IPT) | 25-59 tahun<br>(Dewasa) | > 60 tahun             |
|                            |                             |                         | Aplikasi MyTax               | Aplikasi MyTax          | Aplikasi MyTax         |
| Portal Rasmi HASiL         | Portal Rasmi HASiL          | Portal Rasmi HASiL      | Portal Rasmi HASiL           | Portal Rasmi HASiL      | Portal Rasmi HASiL     |
| Media Sosial/<br>Massa     | Media Sosial/<br>Massa      | Media Sosial/<br>Massa  | Media Sosial/<br>Massa       | Media Sosial/<br>Massa  | Media Sosial/<br>Massa |
|                            |                             |                         | e-Buletin<br>HASiL           | e-Buletin<br>HASiL      | e-Buletin<br>HASiL     |

## AKTIVITI PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI 2026-2030

Aktiviti pendidikan pembayar cukai bagi tempoh 2026 hingga 2030 dirancang secara komprehensif dan inklusif, merangkumi pendekatan digital, interaktif dan berfokus kepada semua lapisan masyarakat. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan literasi percukaian, membentuk budaya pematuhan sukarela, serta memperkukuh kefahaman awam terhadap peranan dan kepentingan cukai dalam pembangunan negara. Berikut adalah inisiatif aktiviti pendidikan cukai bagi tempoh 2026 hingga 2030:

| Bil                                             | Program                                                                 | 2026             | 2027             | 2028             | 2029              | 2030               | Pelaksana      |
|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|------------------|------------------|------------------|-------------------|--------------------|----------------|
| BAKAL PEMBAYAR CUKAI / PEMBAYAR CUKAI SEDIA ADA |                                                                         |                  |                  |                  |                   |                    |                |
| 1.                                              | HASiL Your Tax Buddy (HYTB)                                             | 15 Program (20%) | 30 Program (40%) | 45 Program (60%) | 60 Program (80%)  | 75 Program (100%)  | Negeri         |
| 2.                                              | Sahabat HASiL                                                           | 30 Program (20%) | 60 Program (40%) | 90 Program (60%) | 120 Program (80%) | 150 Program (100%) | JKK dan Negeri |
| 3.                                              | Bulan Pendidikan Cukai                                                  | 15 Program (20%) | 30 Program (40%) | 45 Program (60%) | 60 Program (80%)  | 75 Program (100%)  | JKK dan Negeri |
| 4.                                              | Tax Edu Podcast & Taklimat Live Media Sosial                            | 6 Program (20%)  | 12 Program (40%) | 18 Program (60%) | 24 Program (80%)  | 30 Program (100%)  | JKK dan Negeri |
| 5.                                              | Kolaboratif Dengan Agensi Luar                                          | 2 Program (20%)  | 4 Program (40%)  | 6 Program (60%)  | 8 Program (80%)   | 10 Program (100%)  | JKK dan Negeri |
| 6.                                              | Seminar Percukaian Kebangsaan & Seminar-seminar lain Secara Kolaboratif | 10 Siri (20%)    | 20 Siri (40%)    | 30 Siri (60%)    | 40 Siri (80%)     | 50 Siri (100%)     | JKK dan Negeri |

| Bil                                             | Program                                                       | 2026                                 | 2027                               | 2028                                 | 2029                | 2030                 | Pelaksana      |
|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------|--------------------------------------|---------------------|----------------------|----------------|
| BAKAL PEMBAYAR CUKAI / PEMBAYAR CUKAI SEDIA ADA |                                                               |                                      |                                    |                                      |                     |                      |                |
| 7.                                              | Taklimat Percukaian – Latihan Usahawan Perniagaan dan Majikan | 150 Taklimat (20%)                   | 300 Taklimat (40%)                 | 450 Taklimat (60%)                   | 600 Taklimat (80%)  | 750 Taklimat (100%)  | JKK dan Negeri |
| 8.                                              | Penerbitan Artikel                                            | 12 Penerbitan (20%)                  | 24 Penerbitan (40%)                | 48 Penerbitan (60%)                  | 60 Penerbitan (80%) | 72 Penerbitan (100%) | JKK            |
| 9.                                              | Kalkulator Cukai                                              | Pengemaskinian setiap Tahun Taksiran |                                    |                                      |                     |                      | JKK            |
| 10.                                             | Dummy e-Filing                                                | Borang B, BE dan M                   |                                    | Borang B, BE, M dan C                |                     |                      | JKK            |
| 11.                                             | Silibus KPM                                                   | Perbincangan Pindaan Silibus         | Topik Percukaian Dalam Silibus KPM |                                      |                     |                      | JKK            |
| 12.                                             | Portal EduZone                                                | Pembangunan Sistem                   | Sistem ‘Go Live’                   | Penambahbaikan Sistem Portal EduZone |                     |                      | JKK            |
| 13.                                             | Permainan Cukai Secara Digital                                | Perancangan                          | Penyediaan Dokumentasi             | Pembangunan Sistem                   |                     | Sistem ‘Go Live’     | JKK            |

**Nota:**

1. Maklumat lengkap berkaitan program pendidikan cukai akan dimasukkan ke dalam Arahan Operasi HASIL yang berkuat kuasa pada tahun semasa.
2. Sasaran yang ditetapkan setiap tahun adalah amaun kumulatif.
3. Bulan Pendidikan Cukai akan diadakan pada bulan Oktober setiap tahun. Sekurang-kurangnya tiga (3) program dilaksanakan oleh setiap Negeri dan Cawangan Khas, seperti pertandingan cukai, taklimat, *Taxplorace* dan lain-lain.



## PENJAJARAN DAN PEMETAAN PELAN PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI 2026-2030

Kesedaran dan kefahaman rakyat terhadap sistem percukaian negara merupakan elemen penting dalam memperkukuh tahap pematuhan sukarela serta menjamin kelestarian hasil negara. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan tahap literasi dan pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai, HASiL telah membangunkan Pelan Pendidikan Pembayar Cukai HASiL 2026-2030 sebagai sebahagian daripada strategi utama.

Pelan ini memberi penekanan terhadap pendekatan yang sistematik dan berstruktur dalam menyampaikan pendidikan cukai kepada rakyat, di samping menyokong agenda pendigitalan perkhidmatan dalam penyampaian cukai. Pelaksanaan inisiatif PPPC HASiL 2026-2030 ini dijangka dapat meningkatkan tahap kesedaran cukai serta memperkukuh pematuhan dalam pengemukaan borang nyata oleh pembayar cukai aktif bagi tempoh 2026 hingga 2030.

Pelan ini menggariskan pelaksanaan inisiatif secara berfasa bermula tahun 2026 dan dijangka mencapai 100% pelaksanaannya menjelang tahun 2030. Penetapan sasaran tahunan bagi pelaksanaan inisiatif adalah seperti yang berikut:

| PENJAJARAN DAN PEMETAAN PELAN PENDIDIKAN PEMBAYAR CUKAI HASiL 2026 -2030                                                                                        |                                       |                                                            |                                            |                        |      |      |      |      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|------------------------|------|------|------|------|
| TERAS<br>KEBERHASILAN<br>(TK)                                                                                                                                   | BIDANG<br>KEBERHASILAN<br>UTAMA (BKU) | OBJEKTIF<br>KEBERHASILAN<br>STRATEGIK<br>(OKS)             | STRATEGI                                   | 2026                   | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Melonjakkan kecekapan pengoperasian ekosistem percukaian langsung negara berteraskan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan akta-akta lain di bawah seliaan HASiL | Inovasi dan digitalisasi operasi      | Pendidikan cukai dan digitalisasi penyampaian perkhidmatan | Meningkatkan kesedaran cukai kepada rakyat | 20%                    | 40%  | 60%  | 80%  | 100% |
|                                                                                                                                                                 |                                       |                                                            |                                            | Inisiatif dilaksanakan |      |      |      |      |

Pelaksanaan PPPC HASiL 2026-2030 secara berfasa ini membolehkan capaian pendidikan cukai yang lebih meluas, tersusun dan inklusif, selaras dengan aspirasi HASiL ke arah membina sistem percukaian yang progresif, berdaya tahan dan pematuhan cukai secara sukarela.

Dengan sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan, PPPC HASiL 2026-2030 ini dijangka mampu menyumbang secara langsung kepada pengukuhan asas hasil negara serta memperkukuh budaya pematuhan sukarela dalam kalangan pembayar cukai menjelang tahun 2030.

# PANEL EDITORIAL

| BIL                                              | NAMA                             | BAHAGIAN                                                              |
|--------------------------------------------------|----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|
| <b>PENGERUSI</b>                                 |                                  |                                                                       |
| 1.                                               | Shahrul Niza bin Bishahrin       | Pengarah<br>Jabatan Khidmat Korporat (JKK)                            |
| <b>PENGURUS</b>                                  |                                  |                                                                       |
| 2.                                               | Masrun bin Maslim                | Pengarah<br>Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                            |
| <b>TIMBALAN PENGURUS</b>                         |                                  |                                                                       |
| 3.                                               | Julie Adila binti Mohd Hassan    | Pengarah<br>Hasil Contact Centre, JKK                                 |
| 4.                                               | Syahrulazamir bin Sarjuni        | Pengarah Seksyen<br>Bahagian Pengurusan Kualiti dan Perkhidmatan, JKK |
| <b>PENYELARAS</b>                                |                                  |                                                                       |
| 5.                                               | Norwani binti Baharum            | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| <b>TIMBALAN PENYELARAS</b>                       |                                  |                                                                       |
| 6.                                               | Nadzri Amin bin Abdullah         | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 7.                                               | Mat Nazil bin Yom                | Hasil Contact Centre, JKK                                             |
| <b>SETIAUSAHA</b>                                |                                  |                                                                       |
| 8.                                               | Azizi bin Mamat                  | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| <b>TIMBALAN SETIAUSAHA</b>                       |                                  |                                                                       |
| 9.                                               | Siti Nazira binti Mohd Nadzir    | Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, JKK                         |
| <b>JAWATANKUASA PENULIS</b>                      |                                  |                                                                       |
| 10.                                              | Norayuni binti Ya Shak           | Hasil Contact Centre, JKK                                             |
| 11.                                              | Mohamad Faizal bin Ahmat         | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 12.                                              | Norashikin binti Mohd Ramli      | Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, JKK                         |
| 13.                                              | Nurislamudin bin Saruddin        | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Perkhidmatan, JKK                     |
| 14.                                              | Nurul Nadia binti Ahmad Shukri   | Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, JKK                         |
| 15.                                              | Thuwabatus Thuwaibah binti Hesam | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 16.                                              | Ezzah Fatimah binti Rohani       | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 17.                                              | Muhammad Hafiz Halily bin Aisa   | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 18.                                              | Mazean binti Khairuddin          | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 19.                                              | Yaqina Husna binti Latif         | Hasil Contact Centre, JKK                                             |
| 20.                                              | Mohamad Nasir bin Mohamed Nadzri | Hasil Contact Centre, JKK                                             |
| <b>JAWATANKUASA REKAAN GRAFIK DAN MULTIMEDIA</b> |                                  |                                                                       |
| 21.                                              | Nurul 'Afiah binti Mohd Salleh   | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 22.                                              | Muhammad Fahimi bin Zahidi       | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |
| 23.                                              | Muhammad Hisham bin Abdul Aziz   | Bahagian Pendidikan Cukai, JKK                                        |

# HUBUNGI KAMI

## JABATAN KHIDMAT KORPORAT

BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI  
ARAS 13  
MENARA HASIL CYBERJAYA  
CYBER 8, PERSIARAN RIMBA PERMAI  
63000 CYBERJAYA SELANGOR

## MEDIA SOSIAL RASMI



/HASILMalaysia



hasil\_malaysia



@HASIL\_Malaysia



@HASIL\_Malaysia



@hasil\_Malaysia